

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : PUAN VIVIAN WONG SHIR YEE
[SANDAKAN]**

SOALAN

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah tindakan Kementerian untuk meningkatkan sistem pengurusan pelupusan sampah di negara kita, adakah cadangan untuk menutup tapak pembuangan sampah terbuka seperti di Sandakan dalam usaha mencegah bencana alam sekitar dan kesihatan berlaku di Sandakan dan apakah penyelesaian terbaik untuk pengurusan sisa pepejal dan pelupusan sampah ini.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, bagi meningkatkan sistem pengurusan sisa pepejal di Malaysia, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah merancang untuk menutup semua tapak pelupusan terbuka dan mengurangkan bilangan tapak pelupusan dengan menggantikannya dengan tapak pelupusan sisa pepejal sanitari bersepadu wilayah (*regional integrated sanitary landfill*) yang disambungkan dengan fasiliti stesen pemindahan. Tapak pelupusan sisa pepejal sanitari bersepadu ini bukan hanya dilengkapi dengan sistem kawalan pencemaran untuk mengurangkan punca pencemaran tetapi akan turut dilengkapi dengan sistem rawatan sisa pepejal yang berkonsepkan *Waste To Energy* (WtE). Penggunaan sistem rawatan

sisa pepejal yang berkonsepkan WtE adalah lebih kos efektif dan dijangka dapat mengurangkan sebanyak 80% jumlah sisa pepejal yang perlu dilupuskan di tapak pelupusan.

2. Selain itu, penyelesaian terbaik bagi pengurusan sisa pepejal di Malaysia adalah dengan mengurangkan penjanaaan sisa pepejal di punca melalui pelaksanaan pembudayaan amalan 3R (*reduce, reuse, recycle*) yang berterusan. Langkah ini bukan sahaja berkesan dalam memanjangkan jangka hayat tapak pelupusan, malah ia boleh mengurangkan kos keseluruhan pengurusan sisa pepejal yang perlu ditanggung oleh Kerajaan.

3. Untuk makluman Yang Berhormat juga, tapak pelupusan sisa pepejal Labuk di Sandakan, Sabah adalah merupakan tapak pelupusan sisa pepejal bukan sanitari dan tidak dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan yang diperlukan untuk mengawal pencemaran alam sekitar. Memandangkan, negeri Sabah tidak tertakluk kepada pemakaian Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672), kuasa pengurusan dan perancangan sisa pepejal di negeri Sabah adalah di bawah Kerajaan Negeri Sabah dan pihak berkuasa yang berkaitan.

4. Dalam hal ini, sekiranya Kerajaan Negeri Sabah telah mengenal pasti lokasi yang bersesuaian untuk membina tapak pelupusan sanitari wilayah bagi menggantikan tapak-tapak pelupusan terbuka di Sandakan tersebut, Kementerian ini bersedia membantu Kerajaan Negeri Sabah untuk membangunkan tapak pelupusan sanitari baharu tersebut tertakluk kepada kelulusan daripada Kementerian Kewangan Malaysia dan Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri serta kebersediaan Pihak-pihak Berkuasa Tempatan terlibat dalam mengoperasikan tapak pelupusan sanitari wilayah itu kelak.

Sekian, terima kasih.